

29 AUG 1999

DR MAHATHIR LEPASKAN PERLUMBAAN MERDEKA PROTON 300KM

SEPANG, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi peminat lumba kereta hari ini dengan melepaskan Perlumbaan Antarabangsa Merdeka Proton 300km di sirkit Sepang F1 di sini.

Sebanyak 72 kereta yang mengambil bahagian bermula laju dalam perlumbaan 55 pusingan itu di gelanggang yang menyediakan kemudahan terkini yang akan menjadi tempat perlumbaan Formula One (F1) Petronas Grand Prix Malaysia pada Oktober.

Bersama Dr Mahathir menyaksikan perlumbaan itu ialah beribu-ribu penonton yang diberikan sedikit gambaran apa yang menanti mereka semasa perlumbaan berprestij F1 nanti.

Berada pada kedudukan di depan untuk berlepas ialah juara bertahan Keifli Othman daripada pasukan Genesis World Racing. Pasangannya ialah Zureen Zulkifli yang memandu Proton Putra 1.8 meraea dalam perlumbaan separuh masa.

Masih segar dengan pengalamannya mengelilingi dunia dengan kapal layar Jalur Gemilang, pelayar Datuk Azhar Mansor turut mengambil bahagian, kali ini memandu kereta Putranya.

Pemenang akan dihadiahkan model terbaru Proton Satria GTi.

-- BERNAMA

MAM AHH RON